

30 SEP 2001

US-Duta/I

BAKAL DUTA US MAHU BEKERJASAMA DENGAN M'SIA PERANGI KEGANASAN

SEPANG, 30 Sept (Bernama) -- Bakal Duta Amerika Syarikat (US) ke Malaysia Marie T. Huhtala mahu bekerjasama rapat dengan kerajaan Malaysia dalam usaha antarabangsa mencegah berulangnya tindakan pengganas.

"Kedua-dua negara kita, bersama hampir setiap negara di dunia kini berhadapan dengan cabaran hebat terutama dalam memerangi keganasan.

"Serangan ke atas New York dan Washington awal bulan ini adalah serangan ke atas kita semua," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini hari ini.

Beliau berkata US berterima kasih di atas peningkatan perlindungan dan kerjasama yang diberikan oleh kerajaan Malaysia ke atas Kedutaan serta terharu dengan ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengutuk keras keganasan.

Huhtala, anak kelahiran California yang menyertai Perkhidmatan Luar US pada 1972, juga mengucapkan takziah kepada keluarga rakyat Malaysia yang terkorban dalam serangan pada 11 Sept itu.

Katanya US dan Malaysia berkongsi hubungan dan kerjasama dalam pelbagai bidang dan perhubungan itu adalah berasaskan kepada kepentingan bersama bagi memastikan kestabilan dan kemakmuran serantau.

Amerika Syarikat adalah pelabur asing terbesar dan pasaran eksport utama Malaysia, kata Huhtala yang sebelum ini bertugas sebagai Menteri Penasihat dan Timbalan Ketua Misi di Kedutaan US di Bangkok, Thailand.

Beliau berkahwin dengan Eino Huhtala Jr. dan mempunyai dua orang anak yang sudah dewasa. Huhtala memulakan kerjayanya di pejabat kedutataan di di Paris, Perancis, Chiangmai, Thailand, Taipei, Taiwan dan Hong Kong.

Kami berharap dapat mengenali seramai mungkin pegawai kerajaan, ahli perniagaan, media dan pertubuhan persendirian untuk bertukar-tukar idea mengenai pelbagai isu yang penting kepada Amerika termasuk pembangunan ekonomi, serantau dan hak asasi manusia," katanya.

Dari 1992 hingga 1995 wanita itu bertugas sebagai Konsul Jeneral dan Pegawai Utama di Konsulat US di Bandaraya Quebec, Kanada.

Huhtala yang fasih berbahasa Perancis, Thai dan Cina menggantikan B. Lynn Pascoe yang kini berkhidmat di Washinton sejak Ogos lepas.

-- BERNAMA

SHS AFY LAT